

MIC umum calon hari ini

16 NOV 1999

Oleh
MOHD. TAUFEK RAZAK

SUNGAI SIPUT 15 Nov. — MIC akan menjadi parti komponen Barisan Nasional (BN) yang pertama mengumumkan nama calon iaitu pada pukul 6 petang esok bagi menghadapi pilihan raya umum 29 November ini.

Sempena pengumuman itu, buku khas yang ditulis dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Tamil mengenai pencapaian dan usaha yang telah dilakukan MIC dalam memajukan kaum India di negara ini, akan turut dilancarkan.

Ketika mengumumkan demikian, Presiden MIC,

Datuk Seri S. Samy Vellu mengesahkan, seorang calon muka baru wanita bagi kerusi Dewan Undangan Negeri di Selangor juga telah diputuskan.

"MIC telah buat keputusan, kita letakkan satu calon baru wanita bagi kerusi Dewan Negeri Selangor manakala calon wanita bagi Parlimen Kapar kekal, tetapi sama ada orang baru atau tidak, kita akan umumkan esok.

"Sidang akhbar mengennainya akan diadakan selepas saya mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mendapatkan kelulusan nama calon itu," ujarnya.

Beliau berkata demikian

kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin bahagian, Pemuda dan Wanita parti komponen BN Sungai Siput di sini, hari ini.

Pada pilihan raya 1995, MIC yang meletakkan calon tunggal wanita di Selangor, Dr. Leelavathi menang kerusi Parlimen Kapar di samping G. Palanivel (Hulu Selangor) dan Datuk M. Mahalinggam (Subang).

Bagi kerusi Dewan Negeri, MIC menang di Ijuk (K. Sivalingam), Kota Raja (S. S. Rajagopal) dan Sungai Tua (S. Gopalakrishnan).

MIC diberikan tujuh kerusi Parlimen dan 13 kerusi Dewan Negeri dalam

pembahagian kerusi di antara parti komponen BN di seluruh negara.

Menurut Samy, MIC akan meletakkan empat muka baru bagi kerusi Parlimen manakala tujuh muka baru bagi kerusi Dewan Negeri pada pilihan raya umum ini.

Sementara itu, Samy yang akan mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Siput berkata, beliau bersedia berdepan dengan sesiapa saja calon daripada parti lawan.

"Harimau mari ke, singa mari ke, siapa pun akan kita hadapi. Saya tidak takut pada sesiapa dan tidak akan lari dari Sungai Siput," tegasnya.